


# 99Q Kecerdasan Berasaskan AsmaulHusna



<b>Goodreads Rating:</b>	4.08
<b>Genre:</b>	Uncategorized
<b>Author:</b>	Sulaiman al-Kumayi
<b>Published:</b>	Published
<b>ISBN10:</b>	9789833603

[99Q Kecerdasan Berasaskan AsmaulHusna.pdf](#)

[99Q Kecerdasan Berasaskan AsmaulHusna.epub](#)

Buku ini menyingkap rahsia serta makna tersirat di sebalik nama-nama Allah. Ilmu yang wajib difahami oleh semua yang bergelar Muslim. Di sebalik nama, terkandung khasiat yang tak ternilai harganya. Setiap nama Allah membawa pengertian yang mendalam dan khasiat yang ajaib bagi yang mengamalkannya. Bila selesai baca buku ini pastiya, bukan sahaja mengenal Allah melalui apa yang dihati, lebih mengingati Allah apa yang dinyanyi malah mendekati Allah dengan apa yang diaplikasi. Terhasilnya buku ini sedemikian rupa maka tidak keterlaluan buku ini merupakan manual kehidupan bagi muslimin dan muslimah yang perlu ada “di tangan” sebagai sumber inspirasi dan motivasi diri. Salah satu cara yang dapat digunakan bagi mempercepat menghafal al-asma al-husna adalah melalui nyanyian dan muzik. Menurut Imam Ghazali, muzik memiliki pengaruh yang dapat membangkitkan rasa rindu pada tuhan. Dalam muzik, seseorang dapat mengungkapkan rasa cintanya sehingga terjadi hubungan antara pemuzik dengan tuhan. Irama muzik mampu menimbulkan rasa rindu, sayang dan sedih.<sup>2</sup> Ahmad Ghazali, adik kepada Imam Ghazali menambah, muzik memberikan empat manfaat pada manusia. Pertama, muzik dapat menghilangkan kekacauan jiwa dan sekali gus dapat melahirkan kesan penyaksian (musyahadah) pada Allah. Kedua, muzik dapat menguatkan kalbu dan cahaya rohani. Ketiga, muzik dapat melepaskan seseorang daripada pelbagai urusan yang dihadapi sehari-hari dan menjadikan dia mudah menerima pelbagai rahsia. Keempat, dengan mendengarkan muzik, kalbu menjadi gembira dan seterusnya meningkatkan kesihatan seseorang.